

PERBANDINGAN ISTILAH PINJAMAN BAHASA MELAYU DAN BAHASA KOREA

Hasnah binti Mohamad

hasnahmohamad@yahoo.com

Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

Gym Jang Gyem

peneliti@hufs.ac.kr

Jurusan Interpretasi dan Penerjemahan Bahasa Melayu-Indonesia
Hankuk University of Foreign Studies
Yongin Campus, Korea Selatan

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menelusuri persamaan dan perbezaan dalam penterjemahan istilah asing ke dalam bahasa Melayu dan bahasa Korea. Kajian turut meneliti kaedah pembentukan istilah yang diterapkan dalam kedua-dua bahasa tersebut. Data kajian terdiri daripada istilah yang sering digunakan oleh masyarakat umum dalam bidang perubatan dan perbankan. Data dalam bidang berkaitan dikumpulkan daripada akhbar, brosur untuk orang awam, serta pangkalan data korpus bahasa Melayu. Data tersebut seterusnya dibandingkan dengan istilah dalam bahasa Korea yang diperoleh melalui soal selidik kepada informan penutur jati bahasa Korea. Hasil kajian dapat menghuraikan fenomena peminjaman kata asing melalui penterjemahan istilah dalam kedua-dua bahasa yang dapat menyumbang kepada proses perancangan bahasa.

Kata kunci: penterjemahan istilah, pembentukan istilah, perancangan bahasa

Abstract

This study attempts to trace the similarities and differences in the translations of foreign terms into the Malay and Korean language. The study also examined the method of forming a term that is applied in both languages. The research data consists of a term often used by the general public in the field of medicine and banking. Data from related field are collected from newspapers, brochures for the public, and the Malay language corpus database. Data are then compared with the terms in Korean which are obtained through the questionnaires given to the Korean informants. The study describes the phenomenon of borrowing foreign words through the translation of terms in both languages thus contribute to the process of language planning.

Keywords: *translation of terms, formation of terms, language planning*

PENGENALAN

Kosa kata sesuatu bahasa boleh terdiri daripada kata umum dan juga kata khusus atau dikenali juga sebagai istilah. Istilah dalam sesuatu komuniti bahasa boleh tercipta dalam kelompok bahasa itu atau boleh juga dipinjam daripada komuniti bahasa lain. Apabila berlakunya peminjaman istilah, proses pembentukan istilah yang terlibat ialah penterjemahan. Lazimnya, apabila sesuatu istilah dipinjam daripada komuniti bahasa lain, maka konsepnya juga turut dipinjam. Menurut (Singleton, 2000:5) peminjaman kata, termasuklah peminjaman istilah menyumbang terhadap penambahan kosa kata sesuatu bahasa. Kosa kata bahasa Melayu bukan saja banyak menyerap bahasa Inggeris, malahan juga bahasa lain, misalnya pengaruh bahasa Arab, seperti **syukur** daripada *asy-syukr*, **jadual** daripada *jadwal*, pengaruh bahasa Portugis, seperti **almari** daripada *armario*, dan **sekolah** daripada *escola* (Awang Sariyan, 2010:12). Tulisan Korea yang dikenali sebagai Hangul dicipta oleh Maharaja Sejong semasa Dinasti Chosun, pada sekitar tahun 1400, manakala tulisan Hangul dikatakan mempunyai pengaruh tulisan Cina (Boye Lafayette, 2005:7). Walau bagaimanapun, sesetengah pendapat menyatakan bahawa terlalu banyak peminjaman akan menyebabkan kosa kata asal sesuatu bahasa menjadi rancu. Kajian ini akan melihat perbandingan penterjemahan istilah asing dalam bahasa Melayu dan bahasa Korea,¹ seterusnya akan menambah baik kaedah penterjemahan istilah pinjaman sedia ada. Kajian terhadap perbandingan

dua bahasa ini dibuat memandangkan setakat ini belum pernah ada kajian yang membandingkan pembentukan istilah bahasa Melayu dan bahasa Korea. Selain itu, perbandingan istilah kedua-dua bahasa ini juga dapat memaparkan fenomena peminjaman istilah yang berlaku di negara membangun.

Beberapa kajian perbandingan bahasa yang ditemui ialah perbandingan kata dalam bahasa Melayu dan bahasa Indonesia. Antaranya termasuklah kajian oleh Asmah Haji Omar (2002) terhadap perbezaan leksikal bahasa Melayu dan bahasa Indonesia. Kajian beliau berjaya mengenal pasti perbezaan berdasarkan empat kategori, iaitu telus, legap, kabur, dan samar-samar. Perbezaan kajian tersebut dengan kajian penulis ialah dari segi perbandingan yang dibuat, iaitu bukanlah untuk melihat kesamaan atau perbezaan makna istilah yang dibentuk, sebaliknya untuk melihat perbezaan dan/atau persamaan kaedah yang digunakan bagi membentuk istilah tersebut. Kajian lain, oleh Nor Hashimah Jalaluddin dan Halimah Haji Ahmad (2005) pula menganalisis perbezaan istilah bahasa Melayu dan istilah bahasa Indonesia dari sudut linguistik. Kajian mereka menemukan tiga kategori istilah, iaitu telus, kabur dan legap.

Kajian seterusnya pula ialah kajian oleh Norhazlina Husin (2005) tentang Penterjemahan Brosur Bank yang membincangkan pelbagai kaedah penterjemahan yang digunakan dalam brosur bank. Kajian ini hanya memaparkan dapatan tentang penerapan beberapa kaedah dalam pembentukan istilah secara penterjemahan. Seterusnya kajian oleh Isye Herawati *et.al* (2007), tentang peristilahan yang bertajuk, “Peristilahan Asing dalam Surat Kabar Umum *Garoet Pos* Kabupaten Garut”. Kajian ini menggunakan huraian deskriptif yang memaparkan data kajian secara semula jadi. Kajian bertujuan menghuraikan proses penyerapan istilah asing yang terdapat dalam harian umum *Garoet Pos* yang terdapat di Kabupaten Garut, Indonesia. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap penyerapan istilah asing dalam harian umum *Garoet Pos* terdiri daripada beberapa tahap seperti yang berikut:

1. penyerapan secara utuh;
2. penyerapan melalui penterjemahan;
3. penyerapan melalui penyesuaian bentuk tulisan penyesuaian huruf;
4. penyesuaian huruf gugus konsonan asing;
5. penyesuaian imbuhan asing;
6. penyerapan dan penterjemahan sekali gus.

Selain itu, banyak juga kajian tentang istilah yang telah dijalankan, namun kebanyakannya lebih tertumpu pada aspek keberterimaan istilah yang dibentuk oleh masyarakat. Tidak dinafikan bahawa aspek tersebut memang penting untuk dikaji kerana istilah yang dibentuk tidak akan bermakna selagi tidak digunakan oleh masyarakat, khususnya pengguna bidang berkaitan. Kajian oleh Awang Sariyan *et. al* yang diterbitkan pada tahun 2010 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bertujuan menyelidik penggunaan bahasa Melayu dalam bidang Perbankan. Kajian yang bertajuk *Keberterimaan Istilah MABBIM Bidang Ekonomi dan Perbankan* ini bertujuan menilai tahap keberterimaan istilah dalam bidang berkenaan yang telah disepakati oleh tiga negara, iaitu Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam. Istilah yang dikaji merupakan istilah yang dibentuk dalam mesyuarat Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM). Kajian ini juga turut mengenal pasti bentuk istilah yang lebih diterima oleh masyarakat, iaitu sama ada bentuk terjemahan langsung atau bentuk pinjaman serta alasan terhadap pemilihan sesuatu bentuk itu. Sumbangan kajian ini terhadap ilmu peristikahan ialah penambahbaikan dari segi istilah yang dibentuk berdasarkan maklum balas pengguna.

Sering diperkatakan bahawa kemasukan terlalu banyak kosa kata asing dalam sesuatu bahasa, yang dikenali sebagai peminjaman, akan menyebabkan bahasa itu rancu dan kelihatan kurang berwibawa dari segi keupayaan kosa kata sedia ada mengungkapkan sesuatu konsep baharu. Sebenarnya, setiap bahasa mempunyai cara yang sesuai untuk menghadapi pertumbuhan istilah yang cepat. Walaupun dari semasa ke semasa terdapat kemasukan istilah bahasa asing yang begitu banyak ke dalam sesuatu bahasa, namun situasi ini dapat membentulkan bahasa itu sendiri dengan penghasilan teks bagi kegunaan komuniti linguistik masing-masing dalam pelbagai bentuk, seperti panduan, buku teks dan sebagainya (Sager, 1995:94-95). Fenomena peminjaman ini merangsang proses perancangan bahasa sesebuah negara bagi merangka pelbagai kaedah yang sesuai untuk menerima kemasukan kata asing bersama-sama konsepnya ke dalam bahasa berkenaan. Oleh yang demikian, dapat dikatakan bahawa kemunculan kosa kata asing dalam sesuatu bahasa dapat menambahkan kepelbagaian bahasa berkenaan. Kajian ini akan meneliti kepelbagaian tersebut dalam dua bahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Korea. Melalui perbandingan ini pelbagai faktor luaran yang mempengaruhi pembentukan istilah pinjaman di kedua-dua negara dapat dikesan dan seterusnya dimanfaatkan dalam proses perancangan bahasa.

Kajian ini bertujuan mengenal pasti peminjaman kata dalam istilah perubatan dan perbankan bahasa Melayu dan bahasa Korea. Di samping itu, kajian turut menelusuri persamaan dan perbezaan dalam penterjemahan istilah perubatan dan perbankan dalam bahasa Melayu dan bahasa Korea. Akhirnya, kajian dijangka dapat menghuraikan sumbangan kaedah yang dikenal pasti terhadap perancangan bahasa.

TEORI DAN AMALI DALAM PEMBENTUKAN ISTILAH

Istilah merupakan perkataan yang dibentuk secara sedar. Hal ini berbeza daripada perkataan umum yang asal usulnya jarang diselidiki secara terperinci. Misalnya, istilah *mouse* (dalam bahasa Melayu, **tetikus**) dalam bidang komputer dicipta berdasarkan sifat atau rupa bentuk fizikalnya yang seakan-akan tikus, namun mengapa dan bagaimana kata umum *mouse* itu wujud tidak memberikan makna untuk dikaji asal usulnya. Begitu juga dengan istilah dalam bidang fizik, *Newton's law* (istilah bahasa Melayu, **hukum Newton**) yang dibentuk berdasarkan nama pengkaji yang menemukan prinsip yang mendasari hukum tersebut. Istilah bidang media yakni *newsletter*, *jurnal*, dan *magazine* (istilah bahasa Melayu masing-masing, **surat berita**, **jurnal**, **majalah**) pula mempunyai ciri yang berbeza dari segi kandungan istilah tersebut. Persamaan dalam pola penamaan istilah ini penting dalam teori peristikahan kerana penemuan persamaan pola tersebut menunjukkan bahawa:

1. pentafsiran peraturan penamaan dalam sesuatu bidang telah dapat dikenal pasti;
2. peraturan tersebut dapat digunakan untuk penamaan istilah akan datang;
3. pemotivasi kepada penciptaan sendiri konsep baharu yang lebih sukar.

Selanjutnya, jika pola penamaan ini dapat diperlihatkan berdasarkan asas pemilihan bersistem sesetengah ciri bagi digolongkan ke dalam bentuk sesuatu istilah, maka dapatlah kita mengenal pasti proses pemikiran yang terlibat dalam pembentukan konsep dan penggabungan. Apabila suatu konsep baharu dicipta sebagai penemuan baharu, sebenarnya langkah tersebut telah mengatur semula kewujudan ilmu, penyelidikan atau pengembangan industri secara terancang. Lazimnya, dalam kes seperti itu, konsep baharu yang akan dinamai akan dilihat kewujudannya bersama-

sama konsep sekitaran. Oleh yang demikian, tidaklah menghairankan jika kerap diperhatikan bahawa lambang linguistik bagi sesuatu konsep dapat dipilih secara sembarang. Memang tidak dinafikan bahawa usaha para pembentuk istilah diukur berdasarkan keperluan pencipta istilah tersebut dan bukannya menurut keperluan interlokutor, iaitu pendengar atau pengguna istilah akan datang. Lazimnya para pencipta istilah bersusah payah menamakan sesuatu konsep dengan cara yang konsisten, memilih penentu atau penjelas bagi kata nama yang menyatakan ciri sesuatu konsep yang dianggapnya sesuai. Namun sebaliknya bagi pihak pengguna istilah, dalam usaha memahami sesuatu istilah tiada bukti yang menunjukkan bahawa mereka menghuraikan unit unsur yang lebih kecil supaya lebih mudah difahami.

PEMINJAMAN ISTILAH

Kajian Sager (1995) menunjukkan bahawa komuniti bahasa yang mengimport konsep sains dan teknologi lebih gemar menggunakan proses pinjam terjemah daripada pinjam langsung. Seterusnya daripada kajian beliau didapati bahawa tiada satu pun istilah yang dicipta itu yang diterima oleh pengguna jika berlawanan dengan pembentukan kata secara tabii dalam komuniti bahasa berkenaan. Beliau juga menegaskan bahawa pemindahan ilmu sains secara asli boleh mendatangkan manfaat daripada penggunaan meluas unsur kata Yunani dan Latin, terutama dalam bidang ilmu yang istilahnya telah diselaraskan oleh jawatankuasa istilah antarabangsa.

Pada hakikatnya mekanisme peminjaman ialah sesuatu yang kompleks. Keaslian proses peminjaman banyak bergantung pada perubahan bentuk fonologi, morfologi, dan ortografi serta memenuhi sistem dalam bahasa sasaran. Makna istilah yang diimport pula tidak terganggu dengan perubahan tersebut. Usaha yang dilakukan dalam penyesuaian fonologi istilah pinjaman telah membantu menyerasiakan struktur formal istilah pinjaman dalam kalangan komuniti bahasa sasaran. Hal ini disebabkan tradisi peminjaman lisan telah lama dan secara tabii diterima oleh komuniti bukan pakar. Buktinya, apabila kesukaran timbul dalam menentukan ejaan, kesukaran tersebut dapat diatasi dengan penyesuaian bunyi. Penyesuaian fonologi kata pinjaman ini juga lebih diperlukan kerana dapat mengayakan bahasa menerusi penampungan kekurangan sistem fonologi yang sedia ada. Jenis penyesuaian peminjaman kedua pula melibatkan perubahan pada laras semantik. Perubahan pada laras semantik boleh melibatkan pembentukan kata berpolisemi, penyempitan makna daripada kata umum

kepada kata khusus, atau peluasan makna. Berdasarkan penyesuaian yang dihuraikan, pedoman telah dibentuk bagi memudahkan penterjemahan istilah pinjaman ke dalam bahasa sasaran. Pedoman ini berlandaskan pedoman yang digunakan secara meluas pada peringkat antarabangsa dan juga pada peringkat negara, termasuklah di Malaysia.

PEDOMAN PEMBENTUKAN ISTILAH

Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu (2004) menggariskan bahawa proses pembentukan istilah melibatkan tiga proses utama, iaitu proses pemantapan konsep dalam istilah yang berasal daripada Nusantara, proses pemandanan konsep dalam istilah yang berasal daripada pelbagai negara (melalui proses penterjemahan, proses penyerapan, proses penyesuaian imbuhan istilah asing dan proses gabungan pinjaman terjemahan dan penyerapan) dan proses perekaciptaan konsep yang baru.

1. Pemantapan Istilah yang Berasal daripada Nusantara

Pemantapan konsep dan istilah yang berasal daripada Nusantara dilakukan dengan proses pengimbuhan seperti kata “turas” yang merupakan perbuatan menjadi “penuras” yang merupakan alat. Proses penggandaan juga membentuk istilah lain seperti “langit” yang bermaksud bahagian atas sesuatu struktur membentuk istilah “lelangit” yang merupakan struktur atas pada organ mulut manusia. Proses pemajmukan seperti “kereta api” pula membawa erti kenderaan yang beroperasi di landasan. Makna asalnya berdasarkan asal usul kenderaan tersebut (kereta) yang menggunakan kuasa api untuk bergerak. Pemantapan konsep dan istilah yang berasal daripada Nusantara juga bertujuan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan di sekolah dan institusi pengajian tinggi.

2. Pemandanan Konsep dalam Istilah yang Berasal daripada Pelbagai Negara

a. Proses pinjam terjemah

Penterjemahan merupakan suatu kaedah padanan bagi membentuk istilah dalam sesuatu bahasa daripada istilah asing secara terus. Makna istilah terjemahan perlu tepat dengan makna istilah asal dalam bahasa asing seperti

kata “supermarket” diterjemahkan menjadi “pasar raya”. Jelasnya melalui contoh tersebut tidak menekankan persamaan bentuk. Satu kata boleh diterjemahkan kepada satu frasa. Golongan kata yang diterjemahkan tersebut juga perlu sama, iaitu Frasa Nama. Makna semantik yang positif perlu dikekalkan seperti istilah asal. “Supermarket” tidak memberikan maksud “pasar hebat” sebaliknya menggabungkan dua kata umum bagi membawa maksud “pasar raya”.

b. Proses pinjam suai

Proses peminjaman istilah asing secara penyesuaian ejaan atau sebutan. Dalam bahasa Melayu, proses penyerapan istilah asing mengutamakan bentuk ejaannya supaya sesuai dalam sistem ejaan bahasa Melayu. Contohnya, perkataan “tuberculosis” dieja dengan penyesuaian ejaan menjadi “tuberkulosis”. Perkataan “transaction” pula dieja sebagai “transaksi”. Istilah yang dibentuk melalui penyerapan asing jelasnya boleh dilakukan atas dasar penyesuaian makna yang lebih singkat daripada terjemahan bahasa peminjam. Selain itu, istilah asing yang diserap itu perlu memudahkan penyelesaian sekiranya istilah bahasa yang meminjam itu mempunyai banyak sinonim.

c. Proses pinjam langsung

Proses penyerapan bahasa asing dengan mengambil keseluruhan istilah asing dengan atau tanpa penyesuaian ejaan atau sebutan. Kaedah ini menunjukkan bahawa istilah bahasa peminjam dapat memindahkan ilmu pengetahuan melalui penyerapan teks bahasa asing. Misalnya, “deposit” dieja tanpa penyesuaian ejaan, iaitu “deposit” juga dalam bahasa Melayu, “uterus” juga dikekalkan ejaannya sebagai “uterus”, manakala “in vivo” dan “in vitro” juga masing-masing dikekalkan sebagai “in vivo” dan “in vitro”.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian menggunakan kaedah analisis teks dan soal selidik. Teks yang dianalisis terdiri daripada senarai istilah perubatan dan perbankan bahasa Melayu yang merupakan istilah pinjaman daripada bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris yang telah dimasyarakatkan. Oleh yang demikian, bidang perubatan dan perbankan dipilih kerana kedua-dua bidang ini amat rapat

dengan kehidupan sehari-hari masyarakat. Kajian ini tertumpu pada istilah yang sering digunakan oleh masyarakat supaya lebih praktis dari segi pengenalpastian bentuk istilah yang dikaji. Ertinya istilah tersebut telah digunakan dan diketahui masyarakat umum kerana penggunaannya yang lazim dalam akhbar, dan brosur bidang berkaitan. Senarai istilah bahasa Inggeris–bahasa Melayu tersebut dikenal pasti padanan bahasa Koreanya melalui soal selidik maklumat istilah bahasa Korea daripada 30 orang informan penutur asli bahasa Korea. Analisis data dibuat berpandukan panduan pembentukan istilah melalui kaedah penterjemahan.

Borang soal selidik diedarkan secara rawak kepada 30 orang mahasiswa Hankuk University of Foreign Studies (HUFS), tahun pertama hingga tahun akhir dalam lingkungan umur 20 hingga 24 tahun. Kumpulan mahasiswa tersebut mewakili penutur natif bahasa Korea dan pernah menggunakan istilah yang disenaraikan dalam kehidupan mereka sehari-hari. Di samping itu, temu bual bersemuka juga diadakan dengan beberapa mahasiswa yang dipilih secara rawak untuk mengenal pasti istilah padanan bahasa Korea secara lebih terperinci.

ANALISIS TEKS DATA LAPANGAN DAN PANGKALAN DATA KORPUS DBP

Data istilah lapangan dikumpulkan daripada pelbagai sumber yang terdiri daripada akhbar *Mingguan Malaysia*, *Berita Minggu* dan *Metro Ahad* dari bulan Ogos hingga Oktober 2010, majalah *Dewan Kosmik*, Dewan Bahasa dan Pustaka dari bulan Julai hingga November 2010, serta brosur, borang, iklan media cetak dan laman sesawang bank tempatan di Malaysia. Istilah dipilih secara rawak daripada sumber berkenaan. Padanan bahasa asing bagi istilah berkenaan disemak melalui pangkalan data korpus DBP. Istilah padanan bahasa Melayu berdasarkan pangkalan data korpus DBP juga turut dikenal pasti dan dibandingkan dengan data lapangan. Seterusnya bentuk istilah padanan daripada pangkalan data korpus DBP, data lapangan daripada bahan terbitan berkaitan, dan data padanan bahasa Korea daripada soal selidik disenaraikan dan dikelaskan mengikut kategori penterjemahan istilah pinjaman ke dalam bahasa Melayu, iaitu kaedah terjemahan langsung, kaedah pinjam suai, kaedah pinjam langsung dan bentuk gabungan. Peratus istilah yang termasuk dalam golongan tersebut kemudiannya ditentukan.

Jadual 1, halaman 113, menunjukkan bahawa di Malaysia, secara preskriptif, pembentukan istilah paling tinggi melalui kaedah pinjam

suai, iaitu sebanyak 46.7 peratus, diikuti dengan kaedah Terjemah Langsung sebanyak 26.7 peratus yang tidak jauh bezanya dengan kaedah gabungan, iaitu sebanyak 23.3 peratus. Contoh istilah bahasa Melayu yang dibentuk melalui kaedah pinjam Suai ialah **transaksi** untuk *transaction*, **overdraf** untuk *overdraft*, **kanser** untuk *cancer*, dan **skizofrenia** untuk *schizophrenia*. Selanjutnya kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan pemilihan kaedah pembentukan istilah bagi data deskriptif, iaitu kaedah pembentukan istilah paling tinggi bertukar menjadi kaedah Terjemah Langsung sebanyak 56.7 peratus, diikuti kaedah pinjam suai sebanyak 16.7 peratus. Hal ini menunjukkan bahawa dalam media massa, istilah dalam kosa kata natif lebih banyak digunakan untuk mengungkapkan istilah pinjaman. Misalnya, penggunaan kata **rahim** berbanding dengan kata **uterus**, dan kata **nyanyuk** berbanding dengan **senil**. Fenomena ini menggambarkan bahawa pengamal media massa mengambil kira tahap pengetahuan pengguna umum yang pelbagai. Oleh sebab itu, penggunaan kosa kata natif (**rahim** berbanding **uterus**, dan **nyanyuk** berbanding **senil**) akan lebih membantu kefahaman semua lapisan pengguna.

Jadual 2 pula, pada halaman 116, memaparkan kaedah penterjemahan istilah pinjaman dalam bahasa Korea. Kaedah yang paling popular ialah kaedah Terjemah Langsung, iaitu sebanyak 93.3 peratus, diikuti oleh kaedah pinjam suai dan gabungan kedua-duanya 3.3 peratus, manakala tiada langsung kaedah Pinjam langsung yang terlibat dalam penterjemahan istilah asing bagi data dalam kajian ini. Kaedah terjemah langsung menghasilkan istilah natif seperti **yogeum** untuk *deposit*, **dangjwa daewal** untuk *overdraft*, **hwangdal** untuk *jaundice*, dan **guyeogjil** untuk *nausea*. Istilah yang menggunakan kaedah Pinjam suai ialah istilah *allergy* yang menjadi **alleregi** dalam bahasa Korea dan *service* yang menjadi **seobiseu**, dan dikategorikan sebagai kaedah gabungan kerana istilah tersebut terdiri daripada dua kata, *service charge* yang diterjemahkan menjadi **seobiseu yogem**, **seobiseu** menggunakan kaedah pinjam suai manakala **yogeum** kaedah terjemah langsung. Perbezaan kaedah penterjemahan asing ke dalam bahasa Melayu dan bahasa Korea dapat diperlihatkan melalui histogram dalam Rajah 1.

Perbandingan bentuk istilah pula menunjukkan bahawa istilah bahasa Melayu, khususnya bidang perbankan dan perubatan lebih banyak meminjam kosa kata bahasa asing berbanding dengan istilah bahasa Korea. Fenomena ini dicerminkan melalui kaedah terjemah langsung yang jauh lebih tinggi peratusnya di Korea (93.3 peratus) berbanding dengan peratus di Malaysia (26.7 peratus preskriptif; 56.7 peratus deskriptif).

JURNAL BAHASA

Kajian juga menunjukkan bahawa di Malaysia, istilah yang dibentuk secara preskriptif lebih banyak menggunakan kaedah pinjam suai manakala istilah yang dibentuk secara deskriptif lebih banyak menggunakan kaedah terjemah langsung Hal ini kerana istilah yang dibentuk secara deskriptif lebih mempengaruhi masyarakat dari segi penggunaan istilah, berbanding dengan istilah yang dibentuk secara terancang oleh jawatankuasa yang terlibat dengan perancangan bahasa dalam bidang berkaitan. Penggunaan kaedah pinjam suai dan gabungan di Korea (kedua-duanya 3.3 peratus) adalah terlalu rendah berbanding dengan di Malaysia (46.7 peratus dan 23.3 peratus). Di samping itu, kajian juga menunjukkan bahawa tiada langsung istilah perbankan dan perubatan yang dibentuk menggunakan kaedah pinjam langsung. Hal ini menjelaskan sukarnya kosa kata asing untuk masuk ke dalam kosa kata istilah bahasa Korea. Fenomena ini digambarkan dengan ketiadaan istilah asing bentuk *in toto* dalam sampel kajian.

Jadual 1 Kategori penterjemahan istilah pinjaman ke dalam bahasa Melayu.

Bil	Istilah Sumber	Istilah Sasaran	Kaedah Terjemah Langsung (TL)	Kaedah Pinjam Suai (PS)	Kaedah Pinjam Langsung (PL)	Bentuk Gabungan (GB)
1.	<i>transaction</i>	transaksi		√		
2.	<i>deposit</i>	deposit			√	
3.	<i>fixed deposit</i>	deposit tetap				√
4.	<i>bank draft</i>	draf bank				√
5.	<i>savings account</i>	akaun simpanan				√
6.	<i>current savings account</i>	akaun simpanan semasa				√
7.	<i>overdraft</i>	overdraf		√		
8.	<i>interest</i>	faedah	√			
9.	<i>dividend</i>	dividen		√		
10.	<i>outstanding balance</i>	baki tertunggak	√			
11.	<i>telegraphic transfer</i>	pindahan telegraf				√

HASNAH MOHAMAD DAN GYM JANG GYEM

sambungan Jadual 1

Bil.	Istilah Sumber	Istilah Sasaran	Kaedah Terjemah Langsung	Kaedah Pinjam Suai	Kaedah Pinjam Langsung	Bentuk Gabungan
12.	<i>investment</i>	pelaburan	√			
13.	<i>asset</i>	aset		√		
14.	<i>stamp duty</i>	duti setem				√
15.	<i>service charge</i>	caj perkhidmatan				√
16.	<i>allergic</i>	alahana/alergi	(√)	√		
17.	<i>cancer</i>	barah/kanser	(√)	√		
18.	<i>deformity</i>	cacat	(√)			
19.	<i>epilepsi</i>	sawan/epilepsi	(√)	√		
20.	<i>infection</i>	jangkitan/infeksi	(√)	√		
21.	<i>jaundice</i>	sakit kuning/jaundis	(√)	√		
22.	<i>schizophrenia</i>	sakit mental/skizofrenia	(√)	√		
23.	<i>senile</i>	nyanyuk/senil	(√)	√		
24.	<i>tuberculosis</i>	batuk kering/tuberkulosis	(√)	√		
25.	<i>uterus</i>	rahim/uterus	(√)	√		
26.	<i>kidney</i>	buah pinggang	√			
27.	<i>nausea</i>	loya	√			
28.	<i>bile</i>	hempedu	√			
29.	<i>doctor</i>	doktor		√		
30.	<i>fever</i>	demam	√			

Tanda (√) menunjukkan istilah yang dibentuk secara deskriptif, iaitu istilah yang digunakan dalam media akhbar dan brosur awam.


JURNAL BAHASA

Jadual 2 Kategori penterjemahan istilah pinjaman ke dalam bahasa Korea.

Bil	Istilah Sumber	Istilah Sasaran	Kaedah Terjemah Langsung	Kaedah Pinjam Suai	Kaedah Pinjam Langsung	Bentuk Gabungan
1.	<i>transaction</i>	geurae	√			
2.	<i>deposit</i>	yegeum	√		√	
3.	<i>fixed deposit</i>	junggi yegeum	√			
4.	<i>bank draft</i>	eunhaenghwaneo-geum	√			
5.	<i>savings account</i>	yegeum gyejwa	√			
6.	<i>current savings account</i>	hyeonjae yegeum gyejwa	√			
7.	<i>overdraft</i>	dangjwa daewal	√			
8.	<i>interest</i>	iija, gwansim	√			
9.	<i>dividend</i>	baedang geum	√			
10.	<i>outstanding balance</i>	mibul jango	√			
11.	<i>telegraphic transfer</i>	jeonsinhwan	√			
12.	<i>investment</i>	tuja	√			
13.	<i>asset</i>	jasan	√			
14.	<i>stamp duty</i>	injise	√			
15.	<i>service charge</i>	bong saryo, seobiseu yogeum				√
16.	<i>allergic</i>	aleregi		√		
17.	<i>cancer</i>	am	√			
18.	<i>deformity</i>	gihyeong	√			
19.	<i>epilepsi</i>	ganjil	√			
20.	<i>infection</i>	gamyeom	√			
21.	<i>jaundice</i>	hwangdal	√			

sambungan Jadual 2

Bil.	Istilah Sumber	Istilah Sasaran	Kaedah Terjemah Langsung	Kaedah Pinjam Suai	Kaedah Pinjam Langsung	Bentuk Gabungan
22.	<i>schizophrenia</i>	jungsinbunyeolleung	√			
23.	<i>senile</i>	noin	√			
24.	<i>tuberculosis</i>	gyeolhaek	√			
25.	<i>uterus</i>	jagung	√			
26.	<i>kidney</i>	sinjang	√			
27.	<i>nausea</i>	guyeogjil	√			
28.	<i>bile</i>	damjeub	√			
29.	<i>doctor</i>	uisa	√			
30.	<i>fever</i>	yeol	√			



Rajah 1 Histogram perbandingan terjemahan istilah pinjaman ke dalam bahasa Melayu dan bahasa Korea.

PERBINCANGAN

Kajian ini menggunakan pemboleh ubah tetap, iaitu istilah pinjaman dan pemboleh ubah manipulasi, iaitu kaedah pembentukan istilah sasaran yang digunakan dalam menterjemah istilah asing yang dipinjam bersama-sama konsepnya. Hipotesis kajian ialah semakin asing konsep sesuatu istilah itu maka semakin cenderung untuk menggunakan kaedah peminjaman langsung dalam pembentukan istilah tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan pemilihan kaedah pembentukan istilah pinjaman antara bahasa Melayu dengan bahasa Korea. Kajian memaparkan bahawa di Malaysia, pembentukan istilah secara preskriptif lebih cenderung menggunakan kaedah pembentukan secara peminjaman melalui ubah suai (pinjam suai), manakala pembentukan istilah secara deskriptif lebih menggunakan kaedah pinjam terjemah. Walau bagaimanapun, oleh sebab faktor masa untuk menjalankan kajian, data istilah Korea hanya data istilah deskriptif. Perbezaan yang ketara ditunjukkan antara kaedah pembentukan yang dipilih bagi kedua-dua negara, khususnya antara istilah yang dibentuk secara preskriptif di Malaysia dengan istilah di Korea. Perbezaan menurun sedikit apabila dibandingkan antara istilah Malaysia yang dibentuk secara deskriptif dengan istilah Korea. Fenomena ini mencerminkan bahawa masyarakat (di kedua-dua negara) sebenarnya lebih cenderung menggunakan istilah dalam bentuk kosa kata natif berbanding dengan bentuk istilah yang dipinjam walaupun diubah suai ejaannya mengikut sistem ejaan standard sesebuah negara. Kajian juga membuktikan bahawa pengaruh bahasa Inggeris yang lebih meluas di Malaysia menyebabkan lebih banyak istilah dibentuk menggunakan kaedah pinjam suai. Keadaan ini berlaku kerana dua faktor yang berikut, pertama kerana para penggubal istilah berpendapat secara praktisnya istilah bahasa asing yang dipinjam itu lebih dikenali kerana sering ditemui dalam buku-buku teks rujukan bahasa Inggeris yang digunakan secara meluas. Oleh itu, adalah lebih praktis untuk meminjam istilah tersebut dengan hanya mengubah suai ejaannya supaya lebih mudah difahami oleh pengguna. Hal ini diperkuuh lagi dengan adanya pedoman yang menganjurkan bahawa istilah asing yang dipinjam boleh menggunakan kaedah pengubahsuaiann ejaan ke dalam bahasa Melayu. Faktor kedua ialah kurangnya pengetahuan tentang kewujudan kosa kata dalam bahasa Melayu yang dapat mengungkapkan istilah asing bersama-sama konsepnya yang dipinjam atau juga kerana sikap kurang yakin terhadap kemampuan kosa kata tersebut untuk mengungkapkan sesuatu konsep. Berbeza daripada situasi bahasa di Korea, kaedah pembentukan

istilah secara terjemah langsung lebih banyak berlaku kerana kurangnya pengaruh bahasa Inggeris di samping penggunaan bahasa natif yang lebih meluas memungkinkan istilah asing yang dipinjam lebih mudah untuk diterjemahkan ke dalam bahasa natif. Penggunaan bahasa natif yang lebih meluas juga menyebabkan istilah yang dibentuk dalam bahasa berkenaan begitu mudah dimasyarakatkan. Hal ini seajar dengan prinsip peristilahan tentang keserasian istilah dengan konsep serta keberterimaan sesuatu istilah dalam kalangan masyarakat penggunanya. Walaupun perkembangan semasa era globalisasi memungkinkan kewujudan lebih banyak istilah bentuk pinjam suai, namun sekian banyak istilah yang menggunakan kosa kata natif serta sifat istilah yang tidak berubah secara serta-merta masih dapat mengekalkan bentuk istilah terjemah langsung dalam kosa kata istilah bahasa Korea. Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa kini terdapat peningkatan peratus kosa kata umum Korea yang dipengaruhi bahasa Inggeris, misalnya *kamera* (*kah-may-rah*) daripada *camera*, *kaendi* (*kahn-dee*) daripada *candy*, dan *chelli* (*chehl-lee*) daripada *jelly*. Kajian ini juga membuktikan bahawa dalam peminjaman istilah asing, istilah baharu yang dibentuk berdasarkan pengetahuan bahasa pengguna, lebih kukuh pengetahuan bahasa natif pengguna sesuatu bahasa, maka lebih banyak istilahnya dibentuk menggunakan kosa kata natif bahasa berkenaan. Sebaliknya, jika pengetahuan bahasa pengguna lebih banyak dipengaruhi oleh kosa kata asing, maka lebih banyak istilah akan dibentuk menggunakan kosa kata asing yang diubah suai ke dalam bahasa yang meminjam itu.

KESIMPULAN

Kajian menunjukkan bahawa peminjaman kosa kata bahasa asing memang berlaku dan diterima oleh komuniti linguistik. Seterusnya, kajian perbandingan peminjaman istilah asing bahasa Melayu dan Korea menunjukkan bahawa penggunaan bahasa natif masih merupakan pilihan masyarakat, dan berupaya mengungkapkan pelbagai bidang teknikal yang berkait rapat dengan kehidupan sehari-hari masyarakat, khususnya bidang perubatan dan perbankan. Kepelbagaiannya kaedah pembentukan istilah yang dikenal pasti melalui kajian ini dapat menyemarakkan proses perancangan bahasa di negara berkaitan dalam proses mewujudkan kriteria sendiri untuk membentuk istilah.

NOTA

¹ Penyelidikan ini dibiayai oleh geran penyelidikan Hankuk University of Foreign Studies (2011), Kampus Yongin, Korea Selatan.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar, 2002. “Wujudkah Tembok Bahasa antara Malaysia dan Indonesia?” dlm. *Setia dan Santun Bahasa*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Awang Sariyan *et al.*, 2010. *Kajian Keberterimaan Istilah MABBIM Bidang Ekonomi dan Perbankan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Boye Lafayette De Mente, 2005. Instant Korean. Singapore: Turtle Publishing.
- Concise English Korean Dictionary Romanized, 1984. Singapore: Turtle Publishing.
- Isye Herawati *et. al*, 2007. *Peristilahan Asing dalam Surat Kabar Umum Garoet Pos Kabupaten Garut*. Indonesia: Unpad.
- Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu, 2004. *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu Edisi Baharu*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Halimah Haji Ahmad, 2005. *Perbezaan Istilah Malaysia-Indonesia: Satu Analisis Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhazlina Husin. “Penterjemahan Brosur Bank”. *Dewan Bahasa*, 54-58, 2005.
- Sager, J.C ., 1995. *Kursus Amali dalam Pemprosesan Istilah*. Diterjemah oleh Sulaiman Masri. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Singleton, D., 2000. *Language and the Lexicon*. Oxford University Press Inc: New York.

LAMPIRAN I

SOAL SELIDIK
KAJIAN PERBANDINGAN ISTILAH PINJAMAN BAHASA
MELAYU DAN BAHASA KOREA.

Saya sedang membuat kajian tentang Perbandingan Penterjemahan Istilah Bahasa Melayu dan Bahasa Korea. Istilah yang dikaji ialah istilah yang sering digunakan oleh masyarakat dalam bidang perubatan (medical) dan perbankan (banking). Mohon kerjasama anda mengisikan maklumat istilah bahasa Korea dalam ruang yang disediakan (dalam tulisan Roman). Sekian, terima kasih atas kerjasama anda sekalian.

(I am conducting a research on Comparison of translated terms in Malay and Korean language. The terms surveyed are medical and banking terms which are commonly used by the public. I would appreciate if you could fill in the Korean terms in the allocated column (in Roman alphabet). Thank you very much for your coorporation).

Jadual Istilah bahasa Inggeris – bahasa Melayu – bahasa Korea.**Table of terminology in English – Malay – Korean language**

Bil.	B.Inggeris	B.Melayu	B.Korea
1.	transaction	transaksi	geurae
2.	deposit	deposit	yegeum
3.	fixed deposit	deposit tetap	junggi yegeum
4.	bank draft	draf bank	eunhaenghwaneogeum
5.	savings account	akaun simpanan	yegeum gyejwa
6.	current savings account	akaun simpanan semasa	hyeonjae yegeum gyejwa
7.	overdraft	overdraf	dangjwa daewal
8.	interest	faedah	ijsa, gwansim
9.	dividend	dividen	baedang geum
10.	outstanding balance	baki tertunggak	mibul jango


JURNAL BAHASA

11.	telegraphic transfer	pindahan telegraf	jeonsinhwan
12.	investment	pelaburan	tuja
13.	asset	aset	jasan
14.	stamp duty	duti setem	injise
15.	service charge	caj perkhidmatan	bong saryo, seobiseu yogeum
16.	allergic	alahan/alergi	aleregi
17.	cancer	barah/kanser	am
18.	deformity	cacat	gihyeong
19.	epilepsi	sawan/epilepsi	ganjal
20.	infection	jangkitan/infeksi	gamyeom
21.	jaundice	sakit kuning/jaundis	hwangdal
22.	schizophrenia	sakit mental/skizofrenia	jungsinbunyeoljeung
23.	senile	nyanyuk/senil	noin
24.	tuberculosis	batuk kering/tuberkulosis	gyeolhaek
25.	uterus	rahim/uterus	jagung
26.	kidney	buah pinggang	sinjang
27.	nausea	loya	guyeogjil
28.	bile	hempedu	damjeub
29.	doctor	doktor	uisa
30.	fever	demam	yeol

LAMPIRAN II

Contoh Data Istilah daripada Sumber Sekunder

Kunyit mencegah pelbagai penyakit?



KUNYIT dikatakan mempunyai sifat anti kanker, anti radang, mencegah Alzheimer dan keleongan bagi sakit sendi.

KUNYIT (curcumin), sejenis rempah yang digunakan dalam masakan, merupakan salah satu penyembuh semula jadi paling mujarab. Kegunaannya telah bermula selama 2500 tahun dahulu. Rempah tersebut dengan perlahan telah memperlakukan sifat perubatan sejak berabad lamanya.

Sejak kebelakangan ini, kunyit mulai mendapat tumpuan ramai kerana ia mempunyai banyak manfaat dan pencegahan banyak penyakit. Penyelesaian menunjukkan curcuminoid (komponen aktif dalam kunyit) boleh digunakan untuk mencegah pelbagai jenis penyakit seperti kanser kolorektum, Alzheimer, arthritis dan gangguan kardiovaskular.

Kajian menunjukkan curcuminoid mempunyai sifat anti oksida, anti radang dan menurunkan tahap kolesterol. Ia merupakan sifat perancak COX-2 semulajadi bagi melegakan kesikatan dan juga adalah agen anti-kanser. Para saintis juga mencatatkan ciri-ciri yang menyokong metabolisme gula dan kolesterol dan memberikan harapan untuk melawan diabetes.

Dalam 688 kajian, lebih daripada 400 yang telah dikenalkan mengesahkan sifat anti karsinogenik, anti-radang dan anti oksida yang terdapat pada kunyit. Institut Kesihatan Nasional Amerika Syarikat mempunyai empat ujian klinikal untuk menguji tindakan curcuminoid terhadap kanser kolorektum, pankreas, mieloma berganda dan Alzheimer.

Sifat anti kanser kunyit Kajian mencadangkan mereka yang mengambil diet kaya dengan kunyit akan mencapai kadar rendah kanser payudara, prostat, paru-paru dan kanser kolon.

Bharat B. Aggarwal, profesor perubatan kanser di Jabatan Terapeutik Pusat Kanser Anderson University di Texas M.D. telah mengatakan bahawa rempah ini selama satu dekad.

Penyelidik Pusat Kanser tersebut mendapati curcuminoid juga menghalang aktiviti biologi penting yang berhubungan dengan perkembangan melanoma dan kanser lain. Kajian tersebut diterbitkan pada 15 Ogos 2005 dalam isu jurnal Cancer dan menunjukkan bahawa kunyit menghalang strain melanoma di makmal daripada berganda dan mengaruh sel kanser untuk membunuh diri sendiri.

Kunyit - Mencegah Alzheimer

Penyakit Alzheimer, sejenis gangguan otak yang teruk mempengaruhi keupayaan seorang untuk melakukan aktiviti sehari-hari seperti mengingat, berbicara dan berpikiran, berorientasi dan bahasa. Ciri Alzheimer yang paling jelas ialah amiloid yang terbentuk dalam otak. Plak amiloid adalah gugusan sejenjang protein diketahui sebagai amiloid beta yang membentuk sel otak dengan "menekuk" mereka. Plak amiloid juga menjana radikal bebas yang menyebabkan kerrosion sel otak.

Kunyit membantu dalam penetrutan radikal bebas ini dan menghalang kerrosion dan pemusnahan pada tahap lebih awal. NFKB menyebabkan radang yang juga menyumbang kepada pembentukan plak amiloid. Kunyit telah ditunjukkan keranya menurunkan pembentukan amiloid beta melalui perancak NFKB. Dengan merencanakan pembentukan amiloid beta melalui mekanisme dwi-fazik dalam proses penghasilan terhadap radikal dan kerrosion, kunyit juga menjana radikal bebas, curcuminoid menjadi agen semulajadi untuk mencegah dan memperlambangkan perkembangan Alzheimer. Kajian klinikal sedang dijalankan di UCLA dengan menggunakan curcumin bagi penyakit Alzheimer.

Kunyit - Keleongan bagi sakit sendi dan radang

Arthritis adalah sejenis penyakit pro-radang. Kunyit telah digunakan berdekad lamanya untuk merawat keadaan radang seperti osteoarthritis. Tindakan anti-radang adalah disebabkan oleh perancak NFKB. Pada tahun 2006, curcuminoid bersama dengan ubat popiar, Celecoxib, sejenis perancak COX-2 yang boleh menghalang tindakan bersinergi mengurangkan radang. Penemuan ini adalah penting kerana perancak COX-2 mempunyai kesan sampingan. Jika anda mengambil perancak radang ini dengan curcuminoid anda boleh mengurangkan dos ubat tersebut dan mengurangkan kesan sampingannya.

Masalah utama dalam penggunaan kunyit

Kunyit adalah bahan yang tidak larut dalam air dan ia susah diserap ke dalam peredaran darah,

SEHINGGA
kini punca
sebenar
penyakit
Alzheimer
tidak
diketahui
dan terus
menjadi
misteri.

Kunyit dikatakan mempunyai sifat anti kanker, anti radang, mencegah Alzheimer dan keleongan bagi sakit sendi.

Kajian mencadangkan mereka yang mengambil diet kaya dengan kunyit akan mencapai kadar rendah kanser payudara, prostat, paru-paru dan kanser kolon.

Bharat B. Aggarwal, profesor perubatan kanser di Jabatan Terapeutik Pusat Kanser Anderson University di Texas M.D. telah mengatakan bahawa rempah ini selama satu dekad.

Penyelidik Pusat Kanser tersebut mendapati curcuminoid juga menghalang aktiviti biologi penting yang berhubungan dengan perkembangan melanoma dan kanser lain. Kajian tersebut diterbitkan pada 15 Ogos 2005 dalam isu jurnal Cancer dan menunjukkan bahawa kunyit menghalang strain melanoma di makmal daripada berganda dan mengaruh sel kanser untuk membunuh diri sendiri.

Kunyit - Mencegah Alzheimer

Penyakit Alzheimer, sejenis gangguan otak yang teruk mempengaruhi keupayaan seorang untuk melakukan aktiviti sehari-hari seperti mengingat, berbicara dan berpikiran, berorientasi dan bahasa. Ciri Alzheimer yang paling jelas ialah amiloid yang terbentuk dalam otak. Plak amiloid adalah gugusan sejenjang protein diketahui sebagai amiloid beta yang membentuk sel otak dengan "menekuk" mereka. Plak amiloid juga menjana radikal bebas yang menyebabkan kerrosion sel otak.

Kunyit membantu dalam penetrutan radikal bebas ini dan menghalang kerrosion dan pemusnahan pada tahap lebih awal. NFKB menyebabkan radang yang juga menyumbang kepada pembentukan plak amiloid. Kunyit telah ditunjukkan keranya menurunkan pembentukan amiloid beta melalui perancak NFKB. Dengan merencanakan pembentukan amiloid beta melalui mekanisme dwi-fazik dalam proses penghasilan terhadap radikal dan kerrosion, kunyit juga menjana radikal bebas, curcuminoid menjadi agen semulajadi untuk mencegah dan memperlambangkan perkembangan Alzheimer. Kajian klinikal sedang dijalankan di UCLA dengan menggunakan curcumin bagi penyakit Alzheimer.

Kunyit - Keleongan bagi sakit sendi dan radang

Arthritis adalah sejenis penyakit pro-radang. Kunyit telah digunakan berdekad lamanya untuk merawat

Sekiranya ia berjaya diserap, amat cepat diuraikan. Ini mungkin merupakan sebab kebanyakannya orang tidak mendapat manfaat dengan kegunaan faedah curcuminoid apabila diambil sebagai makan tambahan yang mengandungi kunyit sahaja.

Untuk meningkatkan faedah curcuminoid secara menyeluruh sila minum shilf farmasi anda ha. Ini penting untuk mendapat formulasi khusus menggabungkan piawai ekstrak kunyit agar mengandungi 95 peratus curcuminoid dengan operasi yang dipatahkan iaitu ekstrak Hitam.

Pankreatitis punca keradangan usus

Oleh DR. TAN HUCK JOO

Apakah Pankreatitis? Pankreatitis adalah keradangan yang berlaku pada pankreas. Apabila pankreas membengkak, enzim yang dirembes - yang biasanya aktif di dalam usus kecil - menjadi aktif dalam kelenjar pankreas, malah mula menghakis tisu pankreas. Ini mengakibatkan kecederaan pada pankreas.

Pankreatitis mungkin boleh berlaku secara akut (secara tiba-tiba, dalam jangka masa yang pendek) atau kronik (berlanjut, dalam jangka masa panjang), tetapi kedua-duanya boleh menjadi bawaan dan mengakibatkan komplikasi yang boleh mengut nyawa. Kebanyakannya pankreatitis adalah kes akut.

Pankreatitis Akut

Pankreatitis akut berlaku secara tiba-tiba. Kebanyakannya adalah kes ringin dan peluang untuk penyembuhan adalah cerah. Namun, ada juga pesakit yang menghadapi pankreatitis akut yang teruk dan memerlukan kehadiran, kerohanian dan jangkitan pankreas berlaku. Berkemungkinan besar organ lain juga turut terlibat seperti kegagalan ginjal atau penglibatan jangkitan pada paru-paru. Pankreatitis akut yang parah perlu dirawat segera untuk mengelakkan komplikasi dan kemati.

Penyebab

Penyebab utama pankreatitis akut adalah batu hampedu dan penyalahgunaan alkohol dalam jangka masa yang lama. Kedua-dua sebab ini menyumbang kepada 80 peratus kes-kes pankreatitis akut. Penyalahgunaan alkohol dalam jangka masa panjang boleh merosakkan sel-sel pankreas dan menyebabkan keradangan pankreas. Batu hampedu pula boleh menyekat salur pankreas atau salur hampedu, menyebabkan cecair pencernaan berkumpul dalam pankreas.

Penyebab lain yang lebih jarang adalah kecederaan perut selaras dengan prosedur ECP (prosedur untuk mencairkan batu hampedu dari salur hampedu), ubat-ubatan, pankreas yang tidak normal, dan triglycerida (sejenis lemak) tinggi dalam darah.

Tanda gejala dan komplikasi

- Sakit bahagian atas abdomen - Kesakitan biasanya teruk, ia adalah gejala utama walaupun kebanyakan orang salah anggap kesakitan ini sebagai sakit gastrik.

- Sakit yang merebak ke bahagian

belakang badan - Sakit biasanya menyebar ke bahagian di mana letaknya organ pankreas.

- Sakit selepas makan atau minum - Kesakitan menjadi lebih teruk selepas makan atau minum, terutamanya selepas makan makanan yang mengandungi lemak yang tinggi.

- Mual dan muatlah - Biasa berlaku.

Gejala lain adalah demam, perut kembung, dentyan jantung yang cepat, kurang air dalam badan dan tekanan darah rendah. Jika tidak dirawat dengan segera, gejala akan bertambah teruk dan boleh mengakibatkan kegagalan ginjal, kesulitan pernafasan dan tekanan darah menjadi terlalu rendah, pesakit boleh mengalami kejutan.

Rawatan

Rawatan pankreatitis akut adalah bergantung kepada keadaan dan punca pankreatitis. Pemeriksaan fizikal, ujian darah dan pemeriksaan imel digunakan untuk mengdiagnos dan menilai keadaan pankreatitis akut. Setelah itu, doktor akan menjalankan rawatan sokongan dan merawat punca pankreatitis.

Pankreatitis kronik

Sekiranya keradangan pada pankreas tidak sembuh dan pesakit mendapat pankreatitis akut secara berulang-ulang, ini boleh menyebabkan pankreatitis kronik yang boleh memusnahkan pankreas. Minum alkohol berlebihan dalam jangka panjang adalah faktor utama terjadinya penyakit pankreatitis kronik.

Gejala dan komplikasi pankreatitis kronik yang biasa berlaku adalah:

- Sakit pada bahagian atas abdomen - Pesakit pankreatitis kronik tidak semestinya rasa sakit. Jika ada, kesakitannya kurang berbanding dengan pankreatitis akut, tetapi mungkin berterusan.

• Letih dan lesu

- Nais berminyak - Ini disebabkan kekurangan enzim yang mencerminkan lemak dalam makana. Nais akan timbul di dalam mangkuk tandas dan susah untuk dipam.

• Berat badan turun tanpa sebab

Kurang penyelesaian enzim pankreas untuk mencerna makana menyebabkan nutrien tidak dapat dicrap dengan sempurna oleh badan.

- Diabetes - Sel-sel yang menghasilkan insulin dalam pankreas rosak, dan tidak mampu menghasilkan insulin yang cukup.

Rawatan untuk pankreatitis kronik adalah pemberian ubat tahan sakit untuk menghilangkan rasa sakit, atau suplemen enzim pankreas diberi untuk mengatasi masalah kekurangan enzim. Pesakit disarankan makan makana yang ringgi dalam karbohidrat dan rendah lemak, makan kerap kali dalam jumlah yang kecil dan hentikan pengambilan alkohol.



Bersenam untuk Daya Pergerakar

Kita sering mengambil mudah tentang aspek berlari dan berjalan. Namun, sekiranya anda sendi yang berkaitan dengan osteoarthritis, malah melutut yang dianggap mudah sekali sesuatu yang amat menyukarkan dan boleh menghalangi hidup anda. Mujurlah terdapat cara untuk tersambil mengurangkan kesakitan yang ditangani



Manfaat aktiviti senaman yang kerap
Amalan bersenam dengan kerap boleh memperbaiki pergerakan dan kelfeksian sendi, membantu mengurangkan sakit dan kaku sendi mempunyai berat badan yang berlebihan, menurunkan berat anda sambil melakukan senam ini kerana berat yang berlebihan boleh membahayakan sendi yang alami, terutamanya impak yang berulang-ulang.

Senaman yang disyorkan

Pilihlah senaman yang anda suka dan dilibatkan aktiviti regangan. Cubalah berjaya untuk kelfeksian sendi; juga Tai Chi yang memberi impak rendah untuk mempertahankan stabiliti sendi.

Sekiranya senaman-senaman tersebut tidak kepada anda, dapatkan khidmat seorang ahli membantu anda melakukan senaman-senaman mudah untuk sendi anda.

100 set hadiah edisi terhad bernalilai RM200 setiap satu

Sebagai penaja Blackmores Sydney Running, Blackmores akan memberikan hadiah bernilai RM50,000. Ini termasuklah 100 set hadiah bernilai RM200 setiap satu.


Untuk keterangan lanjut mengenai cara mendapatkan hadiah tersebut, kunjungi laman web Blackmores.

SAINS NEURON »

MENINGITIS

Menyerang Selaput Otak

Oleh MAZIRA MOHAMAD GHAZALI



SELAPUT otak atau meninges terdiri daripada tiga selaput jaringan yang membungkus dan melindungi otak serta sumsum tulang belakang. Ketiga-tiga selaput itu terdiri daripada pia mater, arachnoid, dan dura mater yang merupakan selaput terlapis tetapi berkesinambungan dari dalam ke luar.

Lapisan tersebut menutupi otak, berupa pembuluh darah yang memberi makanan kepada jaringan saraf. Selaput itu juga berfungsi dalam mencegah kemasukan bahan yang mengulik atau memudaraskan otak.

Meningitis adalah radang pada membran yang menyelaputi otak dan saraf tunjang. Faktor penyebabnya terdiri daripada virus, bakteria, fungus dan parasit.

Meningitis adalah radang pada membran yang menyelaputi otak dan saraf tunjang. Masa penggeraman bakteria di dalam tubuh manusia antara 2 – 10 hari.

Kebanyakan pesakit menunjukkan gejala penyakit selepas terdedah antara 3 – 5 hari. Kanak-kanak yang berumur lima tahun ke

bawah sering menjadi sasaran penyakit meningitis.

Pada umumnya, gejala yang timbul mirip dengan influenza sehingga sering dianggap remeh oleh orang tua. Neisseria meningitidis hanyalah salah satu daripada kuman bakteri tersebut. Meningitis boleh didapati di dalam hidung dan teluk.

Kira-kira 5 – 10 peratus orang dewasa merupakan pembawa kepada kuman ini dan kuman tersebut sudah sedar ada di dalam hidung atau teluk mereka. Peratusan ini akan meningkat sehingga 60 – 80 peratus dalam kalangan mereka yang tinggal di kawasan yang sesak dan ramai orang seperti di kota latihan askar, kawasan setinggan dan juga asrama.

Titisan cecair pernafasan yang mengandung kuman ini boleh dipindahkan kepada seseorang melalui percasikan, batuk, bersin, ciuman atau perkongsian bekas makanan. Apabila cecair ini tersentuh pada tangan dan tangan yang sama menyentuh hidung atau mulut, maka kuman itu tersebar.

Mereka yang mempunyai sistem imunisasi yang lemah seperti bayi dan orang tua mempunyai risiko yang tinggi untuk dijangkiti. Perokok dan mereka yang mempunyai masalah pemerasan lebih berisiko untuk mendapat penyakit ini.

Kuman meningitis boleh merebak dan mengakibatkan jangkitan dalam darah yang serius (septisemia) sehingga menyebabkan masalah pembekuan darah (*disseminated intravascular coagulation-DIC*), pendarahan, kegagalan organ berfungsi dan selurusnya membawa mati.

Kadar kematiian meningitis meningokol adalah antara 5 – 10 peratus dan lebih tinggi sekitar 40 peratus sekiranya terjadi komplikasi septisemia dan DIC. Jika pesakit tersebut selakpul, kira-kira 10 – 20 peratus pesakit ini akan mengalami komplikasi lanjutan seperti hilang pendengaran, kerosakan otak dan masalah saraf atau radang yang lain.

Penyakit ini dikesan melalui ujian darah dan pemeriksaan air tulang belakang (cecar cerebrospina). Mereka yang menjaga pesakit hendaklah sentiasa menjaga kebersihan diri seperti mengamalkan membiasa tangan selepas itu. Dalam tempoh tiga minggu setelah terkena serangan, jika terlambat untuk mendapat rawatan boleh mengakibatkan kematiian.

Jangkitan ini boleh merebak daripada sedutan udara yang tersedia dengan bakteria yang boleh menyebabkan jangkitan meningitis. Ia seakan-akan mirip dengan selesema seperti selesema burung, selesema babi dan sebagainya. Semua orang berpotensi dijangkiti meningitis. Rekod menunjukkan bahawa meningitis mudah menjangkiti kanak-kanak yang berumur dua tahun ke bawah.

Kesan meningitis yang disebabkan oleh virus kebiasaannya kurang teruk dan boleh pulih tanpa rawatan yang spesifik. Meningitis yang disebabkan oleh bakteria pula agak serius dan mungkin membawa kepada kerosakan otak, hilang pendengaran, kurang upaya pembelajaran dan juga membawa mati.

Meningitis bakteria yang paling berbahaya disebabkan oleh *Neisseria meningitidis* atau meningokokus. Kedua-dua bakteria ini tersebar melalui udara atau sentuhan langsung dengan pembawa atau penghidapnya. Dari satuan